PASAL KEDUA : PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH

FASAL KEDUA - PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DI ZAMAN BRITISH

2.1 - Sejarah Campurtangan British Dalam Pentadbiran Agama Islam Di Tanah Melayu

Campurtangan Inggeris dalam pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu bermula dari penandatanganan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Dalam perjanjian ini ditegaskan bahava semua urusan pentadbiran diserahkan kepada Residen Inggeris, kecuali dalam soal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.[1]

Perlaksanaan Sistem Residen ini telah berjaya mengubah corak pemerintahan tradisi Melayu yang meletakkan kuasa mutlak di tangan sultan kepada sistem sekular barat yang memakai Sistem Residen. Di dalam pelbagai perjanjian yang dibuat di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British, telah diperuntukkan bahawa Raja-raja Melayu bersedia untuk menerima semua nasihat British dalam semua hal mengenai pemerintahan, selain daripada hal-hal mengenai Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu:

" Yang nasihatnya mesti diminta dan dilaksanakan dalam segala hal selain dari hal-hal yang menyentuh Agama dan Adat Istiadat Melayu". 2

Walaupun pada teorinya adalah seperti yang termaktub ini, tetapi pada amalannya British telah campurtangan dalam hal ehwal agama dan pentadbirannya.

Undang-undang British telah dibawa masuk ke Tanah Melayu ini adalah lebih awal daripada campurtangan mereka di dalam pentadbiran negeri. Piagam Pertama yang didatangkan dari India merupakan undang-undang pertama dilaksanakan di Pulau Pinang pada tahun 1807.[3] Piagam ini telah memperuntukkan penubuhan sebuah Mahkamah Keadilan yang mempunyai semua kuasa mahkamah undang-undang dan chancery Inggeris. Mahkamah ini berkuasa membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama sejauh mana ianya diizinkan oleh pelbagai agama, tabiat dan kelaziman penduduk di situ.[4]

Pada tahun 1826 dan 1855, dua lagi piagam diperkenalkan iaitu Piagam Keadilan II dan Piagam Keadilan III. Piagam ini juga memperuntukkan kuasa bagi mahkamah yang sama seperti yang terdahulu. Dengan ini, Undang-undang Inggeris telah terpakai dan hendaklah dianggap

sebagai undang-undang asas kepada setiap tanah jajahan British.[5]

Setelah berjaya menubuhkan Sistem Residen di seluruh Negeri-negeri Melayu, maka berlakulah perubahan dalam corak pemerintahan mengikut Undang-undang Inggeris. Pelbagai ordinan dan enakmen digubal dan dipinda, bertujuan untuk menyempitkan skop Undang-undang Islam dan meningkatkan penggunaan Undang-undang Inggeris, atas alasan bahawa mereka mahu menyelaraskan pentadbiran agama antara negeri-negeri di Tanah Melayu.

Undang-undang berbentuk ordinan, yang pertama diperkenalkan kepada orang Islam di Negeri-negeri Selat ialah pada tahun 1880.[6] Ia dikenali sebagai "Mohammaden Marriage Ordinance". Kemudiannya, ordinan ini dipinda pada tahun 1920, 1923 dan 1934. Pada tahun 1936, semua ordinan ini dimasukkan ke dalam chapter 57 di dalam "Revised Law of Straits Settlement 1936". Ordinan ini terus dipakai di Negeri-negeri Selat hinggalah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka/ Pulau Pinang 1959 dilaksanakan.[7]

Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, undang-undang

yang pertama diperkenalkan ialah, pada tahun 1885 di Perak iaitu "Perak Registration of Mohammedan Marriage and Divorces Enactment 1885". Enakmen ini seterusnya diperluaskan ke Negeri Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada tahun 1900. Ia dikenali sebagai "Mohammedan Marriage and Divorces Enactment 1900". Kemudian enakmen ini dipinda dari masa ke semasa hinggalah disatukan dibawah "Muhammedan Marriage and Divorces Cap. 197 fo the Revised Laws of the Federated Malay States 1935". Undang-undang ini terus berkuatkuasa hinggalah dilaksanakan undang-undang pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing.[8]

Begitu juga di Negeri Melayu Tidak Bersekutu, telah diperkenalkan dengan undang-undang berbentuk enakmen. Ia dimulai di Negeri Kelantan pada tahun 1911 (Moslem Marriage and Divorces Enactmen 1911), di Perlis (Mohammedan Marriage and Divorces (registration) no. 9/1913) dan di Kedah pada tahun 1913 (Mohammedan Marriage (separation) Enactment 1913), di Johor pada tahun 1914 (Registration of Mohammedan Marriage and Divorces Enactment 1914) dan yang terakhir ialah di Terengganu, iaitu pada tahun 1922 (Registration of Mohammedan Marriage and Divorces Enactment no. 6/1922).[9]

Daripada campurtangan Inggeris menerusi penguatkuasaan ordinan dan enakmen di Negeri-negeri Melayu ini, jelas menampakkan pemakaian Undang-undang Islam telah diperkecilkan kepada skop Undang-undang Keluarga, Warisan dan beberapa aspek Undang-undang Jenayah yang telah diubahsuaikan. Manakala selain daripada itu, seperti Undang-undang Jenayah, Keterangan, Acara Jenayah, Kontrak dan Tanah adalah berdasarkan kepada prinsip perundangan Inggeris.

Selain daripada undang-undang, pihak Inggeris juga menguasai sistem pentadbiran mahkamah. Ini jelas dilihat kepada sistem pentadbiran mahkamah yang meletakkan Mahkamah Syariah lebih rendah tarafnya daripada Mahkamah Sivil. Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah boleh dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi. Dalam tahun 1948, ordinan mahkamah telah menubuhkan sistem kehakiman bagi persekutuan dan Mahkamah Syariah telah digugurkan daripada hierarki mahkamah-mahkamah yang ada pada masa itu.[10]

Kesimpulan dari keterangan ini, dapat dinyatakan bahawa bidangkuasa Undang-undang Islam telah disempitkan selepas campurtangan Inggeris dan kemasukan

Undang-undang Inggeris menggantikan tempatnya.

Untuk menjamin dan mempastikan pemakaian Undang-undang Inggeris dan penafian sebahagian besar Undang-undang Islam, pihak penjajah telah menggunakan tiga cara:[1]

i) Melalui keputusan Hakim-hakim British yang telah menjatuhkan hukuman mereka berdasarkan Undang-undang Inggeris yang berasaskan Common Law dan kaedah ekuiti. Mereka menjadikan Undang-undang Inggeris sebagai rujukan.

ii) Melalui cara mewajibkan pentadbir undang-undang menerima nasihat British. Dengan ini, beberapa undang-undang dari India telah dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu dan dikuatkuasakan sebagai undang-undang negeri seperti Contract Ordinance, Evidence Ordinance dan Penal Code.

iii) Menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri yang berkuasa membuat undang-undang berdasarkan undang-undang ciptaan manusia. Umumnya undang-undang yang dibuat dan diluluskan oleh Majlis Negeri-negeri adalah berdasarkan

Undang-undang Inggeris.

2.2 - Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang

2.2.1 - Sebelum Campurtangan Inggeris

Menurut sejarah, pemakaian Undang-undang Islam telah bermula di negeri Pahang, sejak pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah, yang memerintah Pahang antara tahun 1592 hingga 1614 Masehi.[12] Di masa pemerintahan baginda, satu kanun telah digubal dan dikenali dengan nama Hukum Kanun Pahang. Ia merupakan undang-undang negeri yang terpakai pada masa itu.

Kanun ini terkandung sebanyak 92 seksyen semuanya. Dua puluh tiga (23) dari seksyen-seksyen pertama, terdapat kesan dan pengaruh dari Agama Hindu. Antara seksyen 24 hingga seksyen 66 adalah merupakan pemanjangan dari Undang-undang Islam Mazhab Syafie. Manakala dua puluh tujuh Seksyen yang selebihnya, terdapat campur aduk antara Undang-undang Islam dengan undang-undang adat seperti hukuman mati bagi orang yang didapati bersalah menolong pencuri, hukum menggunakan kain kuning dan sebagainya.[13]

Namun begitu para sejarawan menyatakan bahawa undang-undang tersebut cukup teliti dan teratur. Ini adalah kerana bidang yang telah dikuatkuasakan (dalam peruntukan yang terkandung Undang-undang Islam) itu termasuk undang-undang jenayah, sivil dan undang-undang keterangan. Antara kandungannya ialah berkenaan dengan hukum jual beli, hukum pinjaman, hukum sewa, hukum barang hilang, hukum hudud, hukum pemberontakan, hukum murtad, hukum perang sabil, hukum saksi dan sebagainya. Ini semua berdasarkan kepada Mazhab Syafie.[14]

Pada tahun 1614, satu perselisihan telah berlaku yang mengakibatkan Sultan Abdul Ghafur dibunuh.[15] Kesan dari peristiwa ini, perjalanan untuk melaksanakan undang-undang tersebut terganggu sama sekali. Kemudian, dari awal hingga ke pertengahan kurun ke tujuh belas, Negeri Pahang telah menghadapi beberapa kesusahan dari serangan orang Acheh, hinggakan terpaksa tunduk di bawah kerajaan Acheh. Pada masa itu negeri Pahang bukan sahaja berhadapan dengan kuasa Acheh, tetapi termasuk serangan dari Johor, Portugis dan Belanda.

Di awal kurun ke lapan belas, selepas kelemahan kuasa Acheh, negeri Pahang telah diserang dan ditakluk

oleh kerajaan Johor. Oleh kerana empayar Johor ini terlalu luas, maka seorang bendahara telah dilantik untuk memerintah Pahang.

Pada pertengahan abad ke sembilan belas, kuasa Belanda dan Inggeris mula bertapak di Kepulauan Melayu. Belanda telah menjajah kepulauan Riau-Lingga dan Inggeris telah berjaya mendapatkan Singapura daripada Raja Melayu. Ini mengakibatkan kuasa kerajaan Johor mulai berkurangan dan lemah. Peluang dari keadaan ini telah diambil oleh Bendahara Johor yang memerintah Pahang dengan memutuskan hubungan antara Pahang dengan Johor, Singapura dan Riau-Lingga. Dengan itu, ia dapat memerintah secara mutlak di negeri Pahang.

Akan tetapi, di antara tahun 1857 hingga 1863, telah tercetus peperangan saudara di Pahang yang akhirnya negeri ini dikuasai oleh Bendahara Wan Ahmad dan memakai gelaran Duli Yang Maha Mulia Sultan. Baginda telah membentuk kesultanan baru di negeri Pahang dan mempunyai salasilah dari keturunannya yang memerintah hingga ke hari ini.

Dalam keadaan peralihan kuasa dan pertukaran

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

pemerintah, Agama Islam turut berkembang sejajar dengannya. Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad I, seorang Kadi Besar yang pertama telah dilantik.[16] Beliau banyak menghabiskan masa di serata negeri Pahang menjalankan tugas kadi yang memaksa beliau menghilir mudik di sepanjang sungai Pahang untuk menjaga kepentingan Islam dan membasmikan ajaran salah yang terdapat pada masa itu. Kadi Besar (Hj Ibrahim) ini sempat berkhidmat sehingga British campurtangan di dalam urusan pentadbiran negeri Pahang.

2.2.2 - Selepas Campurtangan Inggeris

Dalam masa pemerintahan Sultan Ahmad I, British telah cuba memasukkan negeri Pahang ke bawah naungannya. Berikutan dengan percubaan campurtangan ini, berlaku pertempuran bersenjata di antara pihak British dengan pahlawan-pahlawan Melayu yang tidak mahu negeri mereka dijajah. Namun demikian, dengan bantuan dari pihak Siam, British telah berjaya menyempurnakan hajatnya.

Pada tahun 1888, British telah melantik J.P. Roger sebagai Residen yang pertama di Pahang. Ia bertugas

sebagai penasihat kepada sultan dan menjalankan urusan pentadbiran yang lain daripada pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu di negeri Pahang. Bermula dari tarikh ini negeri Pahang telah dimasukkan di bawah naungan kuasa British.

Kemasukan kuasa Inggeris dalam pentadbiran negeri Pahang, telah mengubah sedikit demi sedikit pentadbiran Agama Islam di sini. Undang-undang Islam mula dipengaruhi oleh bentuk perundangan Inggeris. Bentuk undang-undang bertulis yang dipanggil enakmen, mulai diperkenalkan. Undang-undang pertama yang diperkenalkan di Pahang dalam bentuk ini ialah Enakmen Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam 1885.

Pada tahun 1900, enakmen pertama ini telah dibatalkan semua sekali dan digantikan dengan Enakmen Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam bil. 13 tahun 1900. Enakmen ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan oleh Enakmen Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam bil. 2 tahun 1915. Kemudian lanya dimansuhkan pula oleh Enakmen Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam bil. 1 tahun 1920. Enakmen ini dipinda pada tahun 1922 oleh Enakmen bil. 1 tahun 1922. Pada tahun 1924, sekali lagi pindaan dibuat

dengan menggubal Enakmen (pindaan) bil. 1 tahun 1924 dan Enakmen (pindaan) bil. 2 tahun 1924. Sepuluh tahun kemudian satu lagi pindaan dibuat dengan menggubal Enakmen bil. 2 tahun 1934 (F.M.S Cap. 197).

Pindaan terakhir sekali dibuat kepada Enakmen Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam 1920 (bil. 1 tahun 1920) ini ialah pada tahun 1949 dengan Enakmen bil. 3 tahun 1949. Enakmen ini kemudiannya dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang no. 5 tahun 1956.

Di samping itu terdapat juga enakmen yang diperuntukkan tentang terhadap kesalahan tertentu yang dilakukan oleh orang Islam. Dalam perkara ini, enakmen yang mula-mula sekali diluluskan dan berkuatkuasa di negeri Pahang ialah Enakmen no. 2 tahun 1904 (Undang-undang Islam). Pindaan kemudiannya dibuat kepada enakmen ini oleh Enakmen Undang-undang Islam no. 3 tahun 1932. Ia meminda seksyen 9 (A) dan seksyen 9 (C) ditambah selepas 9 (B).

Pada tahun 1933, satu lagi enakmen diluluskan mengenai Undang-undang Islam yang bertujuan untuk

meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan orang Islam. Undang-undang ini ialah Enakmen Undang-undang Islam no. 3 tahun 1933 (Cap. 198). Enakmen ini kemudiannya berkuatkuasa pada tahun 1937 dengan nama Undang-undang (kesalahan) Bagi Orang-orang Islam no. 6 tahun 1937 (Cap. 198).

Di dalam enakmen-enakmen di atas, terdapat peruntukkan yang memberi kuasa kepada mahkamah awam seperti Mahkamah Majistret untuk membicarakan kes-kes tertentu yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang melanggar peruntukan enakmen. Peruntukan seperti ini dihapuskan bila satu enakmen baru iaitu Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang bil. 5 tahun 1956 di luluskan, memansuhkan semua peruntukan enakmen yang lama. Hasilnya, semua kesalahan yang termasuk di dalam enakmen ini hanya boleh dibicarakan oleh Makhkamah Syariah.

Selain daripada itu terdapat satu enakmen yang memperuntukkan bagi menentukan persoalan berhubung dengan Undang-undang Islam dan adat Melayu.[17] Enakmen ini dinamakan Enakmen Undang-undang Islam dan Adat Istiadat Melayu (Penentuan) bil. 4 tahun 1930 (F.M.S Cap. 196). Enakmen ini kemudiannya dimansuhkan apabila Enakmen Tabir Agama Islam Pahang bil. 5 tahun 1956

diluluskan.

Pada tahun 1949 terdapat dua lagi enakmen diluluskan melibatkan proses pentadbiran Undang-undang Islam di negeri Pahang. Enakmen-enakmen itu ialah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang bil. 5 tahun 1949 dan Enakmen Bayaran Mahkamah Kadi bil. 2 tahun 1949. Kedua-dua enakmen ini dimansuhkan apabila Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang bil. 5 tahun 1956 diluluskan.

Sebagai kesimpulannya, semua enakmen yang diluluskan sebelum tahun 1956 adalah dimansuhkan dan semua peruntukan dalam enakmen-enakmen tersebut telah disatukan di bawah satu enakmen sahaja iaitu Enakmen bil. 5 tahun 1956. Peruntukan tambahan juga dimasukkan, menjadikan ianya satu undang-undang yang merangkumi semua hal yang berhubung dengan pentadbiran hal ehwal Agama Islam di negeri Pahang. (Keterangan lanjut berkenaan dengan enakmen no.5 tahun 1956, dapat dalam fasal ketiga)

2.3 - Sejarah Penubuhan Badan Pentadbiran Agama Islam Negeri Pahang

2.3.1 - Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Pahang

Sejak awal tahun 1920, Undang-undang Islam telah ditadbirkan oleh suatu badan khas yang terasing dan terletak di bawah pengawasan Sultan. Bukti jelas menunjukkan bahawa pada masa pemerintahan Sultan Abdullah, pegawai-pegawai yang menjalankan tugas bersabit dengan Undang-undang Islam telah diberi tauliah.

Pada tanun 1920, Undang-undang Pendaftaran Nikah dan Cerai Orang-orang Islam bil. I tahun 1920, telah dikuatkuasa menggantikan Undang-undang tahun 1900. Antara lain undang-undang ini memerlukan suatu badan khas untuk mentadbirkannya. Sultan Abdullah sebagai mengambil inisiatif dalam soal ini telah merancang penubuhan 'Majlis Anggota Islam Pahang', supaya selaras dengan jawatan sekolah-sekolah al Quran (yang ditubuhkan pada tahun 1925). Ini bermakna, ia bertujuan untuk mengimbangi kemajuan pelajaran agama dengan bidang agama yang lain.

Majlis Anggota Islam ini telah menjadi kenyataan,

hanya semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, setelah mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Negeri pada 28 Mei 1933. Ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada Tengku Besar Sulaiman sebagai Yang Di Pertua Majlis, Kadi Besar[18] Hj. Mohd Daud dan Kadi-kadi (daerah) : Lebai Jusuh (Kelantan), Lebai Deraman (Lipis), Lebai Ahmad (Temerluh), Hj. Abu Bakar bin Dato' Abd. Halim, Cikgu Mohd Idris bin Abd. Kadir dan Hj. Omar.

Antara tujuan terpenting penubuhan Majlis Anggota Islam Pahang ini adalah untuk menjalankan urusan mengutip zakat fitrah di seluruh negeri serta mentadbirnya untuk kemuslihatan agama seperti mendirikan sekolah agama, memberi bantuan kepada penuntut yang belajar di luar negeri (Mesir dan Mekah) dan sebagainya.

Pada tahun 1933, selaras dengan penubuhan Majlis Anggota Islam Pahang, satu undang-undang telah dikuatkuasakan. Ia dikenali sebagai Undang-undang Agama Islam bil. 3 tahun 1933. Majlis telah diberi kuasa untuk melaksanakannya. Undang-undang ini telah memperuntukkan enam belas seksyen yang lebih lengkap daripada sebelumnya. Ia juga telah membatalkan Undang-undang Agama Islam tahun 1904.

Pada tahun 1937, satu lagi undang-undang Islam diperkenalkan dan diperuntukkan sebanyak lapan belas seksyen termasuk undang-undang mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka yang berumur tujuh tahun, ke sekolah al Quran.

Majlis Anggota Islam Pahang ini telah menjalankan peranan semenjak dari penubuhannya hinggalah ke zaman Perang Dunia Ketiga. Pada tahun 1943, fungsi Majlis telah diperluaskan dan digantikan dengan nama 'Majlis Agama Islam Pahang'.

Pada tahun 1949, Majlis Agama Islam Pahang, telah digantikan pula denga nama 'Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang. Penggunaan nama ini telah dikuatkuasakan oleh Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang bil. 5 tahun 1949. Nama ini terus digunakan menerusi penguatkuasaan undang-undang selepasnya iaitu Undang-undang no. 5 tahun 1956.

Pada pertengahan 1970'an, penggunaan istilah 'Adat Istiadat Melayu' telah ditukarkan dengan frasa 'Adat Resam Melayu'. Akan tetapi, pertukaran frasa ini tidak digazetkan (dalam Warta Kerajaan) hinggalah pada tahun

1982, setelah dikuatkuasakan satu enakmen baru iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang no. 8 tahun 1982. Enakmen ini telah memansuhkan semua enakmen yang sebelumnya.

2.3.2 - Jabatan Agama Islam Pahang

Majlis Agama Islam Pahang, untuk pertama kalinya, telah mengadakan mesyuarat pada 10 November 1943. Ahli-ahli dalam Majlis ketika itu berjumlah tujuh orang, yang terdiri daripada Tengku Besar Pahang (Yang Di Pertua), Tengku Arif Temenggung, Tengku Panglima Perang, Tengku Panglima Besar, Orang Kaya Indera Sega-ra, Datuk Setia Jaya dan Mufti Kerajaan Pahang.[19]

Langkah pertama Majlis ialah menubuhkan sebuah "Juma'ah Ulama' Pahang" menggantikan Majlis Ulama' yang senyap bagaikan tiada fungsi. Juma'ah Ulama' ini bertanggungjawab bagi pihak Majlis dalam menentukan peraturan dan hukum Islam dilaksanakan di negeri ini seperti undang-undang zakat, fitrah dan sebagainya.

Pada tahun 1949, Undang-undang Pahang bil. 5 tahun 1949 yang dikenali dengan nama "Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang" telah dikuatkuasakan. Menerusi undang-undang ini, sebuah badan telah ditubuhkan iaitu "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang" menggantikan Majlis Agama Islam Pahang. Badan ini bertujuan untuk menasihati sultan dalam hal-hal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.

Pada tarikh 17 March 1950, Majlis ini telah mengadakan mesyuarat pertamanya di Istana Kota Beram, Pekan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan mengenai penubuhan sebuah Pejabat Agama dan Adat Melayu Pahang. Menurut keputusan mesyuarat, adalah perlu pejabat ini ditubuhkan dan ia hendaklah ditempatkan di Pekan. Selain daripada itu, pejabat ini mestilah diketuai oleh seorang Pegawai Pentadbir Melayu (Malay Administrative Service) yang terkanan dan mahir dalam urusan pentadbiran. Mengenai urusan gaji kakitangan pejabat ini, ia ditanggungjawabkan kepada Menteri Besar.

Abd. Rahman Hj. Talib, yang sebelum ini memegang jawatan Nazir Sekolah Melayu Pahang, telah dilantik sebagai Ketua Pejabat Agama. Segala tugas mengenai

pentadbiran Agama Islam termasuk hal zakat fitrah, sekolah Quran dan sebagainya, diserahkan kepada beliau bermula dari tarikh 1 Disember 1951. Dan dari tarikh itu tertubuhlah sebuah Pejabat (Jabatan) Agama Islam dan Adat Melayu Pahang.

Langkah pertama yang dilaksanakan oleh Pejabat Agama ialah menghantar surat pekeliling kepada pejabat sekolah-sekolah Quran, kadi-kadi daerah dan Guru Besar Kulliah al Lughah Waddin Sultan Abu Bakar Pekan, bagi menyatakan bahava semua pentadbiran institusi berkenaan adalah terletak di bawah Pejabat Agama dan tidak lagi di bawah pentadbiran Majlis seperti dahulu. Walau bagaimanapun, Majlis terus berjalan sebagai pembantu dan penasihat kepada DYMM sultan dalam hal ehwal Agama Islam.

Semenjak dari itu, Pejabat atau Jabatan Agama Islam ini telah memainkan peranan dan mempunyai bidangkuasa yang luas dalam menjalankan Undang-undang Islam, menggantikan peranan Majlis sebelum daripada ini. Hinggalah ke dekad 80an, beberapa perubahan telah berlaku di dalam organisasi Jabatan khususnya, berikutan penambahan bebanan dari tahun ke tahun dalam mentadbir urusan agama dan Undang-undang Islam di negeri

ini.(Keterangan lanjut mengenai organisasi Jabatan dahulu dan sekarang akan dibincangkan dalam fasal ketiga dan keempat).

2.3.3 - Mahkamah Syariah Pahang

Mahkamah Syariah secara tidak langsung telah lama wujud berikutan dengan penggubalan undang-undang 'Hukum Kanun Pahang' dizaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1595 - 1614).[20] Walaupun tidak semua hukum Islam dimasukkan, tetapi sebahagian besarnya adalah berasaskan hukum Islam Mazhab Syafie. Oleh yang demikian, bagi tujuan mentadbir hukum Islam itu, sudah semestinya Mahkamah Syariah perlu ditubuhkan.

Kadi-kadi telah dilantik untuk mengendalikan institusi kehakiman ini sebagai mewakili pihak sultan. Mereka ini dilantik terus oleh sultan dan diberi kuasa menyelesaikan kes-kes yang berbangkit, bersabit dengan nikah, cerai, pembahagian harta pusaka dan sebagai nya.[21] Seorang Kadi Besar telah dilantik untuk mengawasi tugas-tugas kadi. Dia juga bertugas melawat ke seluruh negeri sambil memberi penerangan dan pengaja-

dan mengenai Agama Islam.

Struktur pentadbiran hukum Islam dan institut kehakiman telah mula mengalami perubahan dengan mulanya campurtangan Inggeris di Pahang pada tahun 1888. Enakmen pusat Negeri Melayu Bersekutu mengenai mahkamah telah menyebut tentang penubuhan Mahkamah Kadi (Syariah) pada tahun 1905. Pemansuhan dan pindaan tidak dibuat kepada peruntukan tentang Mahkamah Kadi, walaupun enakmen mahkamah ini telah beberapa kali dipinda, dimansuh dan digantikan dengan enakmen baru. Senarai pemansuhan dan pindaan enakmen tersebut sehingga tahun 1935 adalah seperti berikut:

Enakmen Mahkamah 1905 - 1935

Enakmen	Mansuh / Pinda
Tahun 1905	Mansuh
No. 27, 1909	Pinda
No. 1 , 1909	Pinda dan Mansuh
No. 14, 1918	Pinda
No. 23, 1923	Pinda
No. 4 , 1924	Pinda
No. 26, 1926	Pinda
No. 24, 1931	Pinda
No. 18, 1932	Pinda
No. 36, 1933	Pinda
No. 11, 1934	Pinda dan Mansuh
F.M.S Chapter 2, 1935	Mansuh

Sumber : Laws of Federated Malay States 1887 - 1935

Pada tahun 1918 (enakmen no. 14 tahun 1918) telah dilakukan satu pindaan khas buat negeri Pahang berkenaan dengan Mahkamah Syariah. Pindaan ini memberi peruntukan kepada orang Islam untuk membuat rayuan kepada Majlis Pemerintah Negeri (The Ruler of The State in Council) sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Kadi atau Naib Kadi.[22]

Enakmen mahkamah yang terakhir sebelum dimansuhkan oleh Enakmen Tadbir Agama Islam Pahang no. 5 tahun 1956, ialah Enakmen Mahkamah F.M.S Chapter 2 of 1935. Di bawah enakmen ini ditubuhkan Mahkamah Kadi dan bidangkuasanya.[23]

Pada tahun 1949, satu undang-undang telah diperuntukkan kepada Majlis melaksanakannya. Berdasarkan kepada undang-undang no. 5 tahun 1949, Majlis merasakan perlu ditubuhkan sebuah Pejabat Agama. Dan pada tahun 1951, lahirlah Pejabat Agama yang diketuai oleh Abdul Rahman Hj Talib. Akibat daripada rombakan pentadbiran Majlis itu, maka pembahagian kuasa antara Majlis dengan Pejabat (Jabatan) Agama dilakukan. Misalnya hal-hal yang berkaitan dengan bidang kehakiman dan Mahkamah Syariah, telah ditetapkan di bawah Jabatan Agama dan

tidak lagi dikekalkan di bawah Majlis Agama.

Sejak diwujudkan Jabatan Agama Islam, Bahagian Kehakiman diletakkan di bawahnya. Tempat mahkamah bersidang mula berubah dari rumah-rumah kadi ke tempat yang dikhaskan dan ditempatkan di bandar-bandar daerah di negeri Pahang. Sehingga pada tahun 1982, setelah Bab 8 tahun 1982 dikuatkuasakan, berlaku perubahan di dalam organisasi Jabatan Agama Islam. Mahkamah Syariah diletakkan di bawah satu bahagian yang khusus iaitu di bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah. Ini bertujuan untuk mengemaskinikan pentadbiran Mahkamah Syariah dan melicinkan perlaksanaan Undang-undang Islam.

Dilihat kepada peruntukan mengenai kesalahan di dalam enakmen no. 8 /1982 berbanding dengan enakmen no. 5 /1956, terdapat banyak peruntukan seksyen tambahan di dalam enakmen yang baru ini. Kalau dahulu bilangan seksyen dibahagian ini hanya diperuntukkan sebanyak dua puluh tujuh seksyen, akan tetapi kini seksyen-seksyen ini ditambah sehingga berjumlah lima puluh tiga (53) seksyen semuanya. Pertambahan ini secara otomatiknya bererti meningkatnya bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Pindaan terbaharu dilakukan terhadap enakmen no. 8 tahun 1982 ialah pada tahun 1987. Enakmen ini dikenali dengan nama Enakmen pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pindaan) 1987. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah, dengan menaikkan kadar hukuman jenayah, supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Mahkamah Syariah (bidangkuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.[24]

Pindaan di dalam Perlembagaan Persekutuan juga telah dibuat untuk tujuan yang sama. Ini dapat dilihat di dalam peruntukan di bawah seksyen 121 (1A).[25] Seksyen ini menerangkan bahawa bidang kuasa yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah, tidak boleh diganggu gugat oleh Mahkamah Awam. Dengan lain perkataan, ianya bermaksud bahawa hukuman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah adalah muktamad dan kukuh.

NOTA KAKI

Abdul Rahman Hj. Abdullah, Sejarah Dan Pemikiran Islam, 1991, hal. 358.

R.O. Winstedt, Sejarah Melayu, hal. 99.

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang Di Malaysia, hal. 67.

Ibid.

Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid & Raihanah Hj. Azaheri, Undang-undang Keluarga Islam - Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia, hal. 4[illegible].

Hooker MB. , Islamic Law In South East Asia, hal. 95- Ordinance no. V/ 1880.

Hooker MB. , The Personel Laws of Malaysia, hal. 20.

Ibid, hal. 22.

Hooker MB., Muhammadan Law And Islamic Law, Hooker, Islamic In South East Asia, hal.179, Hooker, Islamic Law In South East Asia, hal. 144, Ahmad Ibrahim, Family Law In Malaysia And Singapore, hal. 10.

Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid & Raihanah Hj. Azaheri, op.cit, hal.44.

Mahmud Saedon Awang Osman (Dr.), Perlaksanaan Perundangan Islam Di Malaysia: Kenyataan Dan Permasalahannya, kertas kerjanya yang disusun di dalam buku 'Falsafah dan Prinsip Perundangan Islam, UIA, hal. 181.

John E. Kempe & R.O. Winstedt, A Malay Legal Digest. JMBRAS Vol. XXI, Part II, 1948, hal 1.

Hukum Kanun Pahang, JMBRAS, bil. 4, 1931.

Warta Jabatan Agama Islam Pahang, bil. 12, tahun 1986.

Ibid.

Kadi Besar ini bernama Kadi Ibrahim (orang ramai menggelarkannya dengan nama Tok Kali Ibrahim).

Seksyen 2 (1) enakmen ini mengatakan: "Tidak kira apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang berhubung dengan penerimaan atau pencatitan keterangan atau pendengaran atau kehadiran saksi-saksi atau pengadaan atau amalan atau acara mahkamah seberang mahkamah sivil di mana-mana perkaran Undang-undang Islam atau Adat Istiadat Melayu timbul boleh merujuk perkaran itu kepada Majlis Negeri yang berkenaan dalam mana tindakan dimulakan untuk keputusannya".

Jawatan Kadi Besar diwujudkan pada awal 1900 menggantikan jawatan Mufti yang tidak berfungsi selepas kematian Hj. Othman Senik. Jawatan ini dipandang oleh Hj. Daud, berdasarkan kepada surat-surat yang di alamatkan kepadanya dalam minit Kadi Besar 1922.

Jawatan Mufti diwujudkan semula dalam Bulan March 1941 setelah Kadi Besar (Hj. Mohd Daud) bersara dan ia dipandang oleh Hj. Abbas bin Mohd Teh.

R.O. Winstedt, Hukum Kanun Pahang, JMBRAS, Vol. XXI, 1948.

Rumah Kadi dijadikan sebagai mahkamah dan orang yang terlibat datang ke sini untuk menyelesaikan pertikaian mereka.

Enakmen Mahkamah no. 14 tahun 1918, mula dikuatkuasakan pada 10hb. Ogos 1923.

Laws of Federated Malay States, Chapter 3, 1935, seksyen 5 (d), 65, 66 dan 67.

Huraian Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pindaan) 1987.

Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1988.